

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SPU 304 - Penganalisaan Dasar Awam

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** dari soalan-soalan berikut. Soalan **SATU** adalah **WAJIB** dijawab oleh semua pelajar.

Soalan Satu (WAJIB)

Bincangkan secara ringkas langkah-langkah dalam proses pembentukan dasar yang mesti dilalui sebelum sesuatu dasar awam itu boleh dilaksanakan.

(100 Markah)

Soalan Dua

Andaikan kamu seorang penganalisa dasar di Jabatan Perdana Menteri. Kamu dikehendaki menulis satu laporan mengenai satu dari topik dibawah. Tentukan fokus kamu dan bincangkan isu-isu yang relevan kepada fokus tersebut, dan berikan cadangan-cadangan untuk mengendalikan isu-isu tersebut.

- [i] Alam Persekutaran
- [ii] Wanita
- [iii] Pendidikan
- [iv] Kemiskinan

(100 Markah)

... 2/-

Soalan Tiga

Dalam konteks Malaysia, secara umumnya, apakah peranan individu dalam proses pembentukan dasar? Bincangkan faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi penglibatan individu.

(100 Markah)

Soalan Empat

Huraikan edaran "isu-perhatian" Anthony Downs dan bincangkan kekuatan dan kelemahannya dalam menerangkan proses pembentukan dasar.

(100 Markah)

Soalan Lima

Perlaksanaan secara sempurna program-program kerajaan boleh dipengaruhi oleh banyak faktor-faktor. Bincangkan jenis-jenis permainan perlaksanaan (implementation games) dan bagaimana ianya mempengaruhi proses perlaksanaan.

(100 Markah)

Soalan Enam

Huraikan dua kaedah penilaian program dan bincangkan kekuatan dan kelemahan kaedah-kaedah tersebut.

(100 Markah)